

13 SEP 1997

Kumaratunga-Lawatan

PRESIDEN SRI LANKA MELAWAT MALAYSIA ISNIN INI

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Kunjungan rasmi Presiden Sri Lanka, Chandrika Kumaratunga ke Malaysia selama empat hari mulai Isnin ini dijangka akan mengeratkan lagi hubungan antara kedua-dua negara yang terjalin sejak 1957.

Kenyataan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra di sini hari ini menyatakan bahawa Kumaratunga, yang akan diiringi kira-kira 40 pegawai tinggi kerajaan dan swasta, akan diberikan sambutan rasmi di Dataran Parlimen.

Beliau akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di Istana Negara sebelum menghadiri jamuan negara pada sebelah malamnya.

Pemimpin Sri Lanka itu akan menerima kunjungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di hotel penginapannya di sini.

Kumaratunga dan Dr Mahathir kemudian akan mengetuai kerajaan masing-masing di dalam satu mesyuarat antara kedua-dua negara mengenai isu-isu dua hala dan antarabangsa yang akan berlangsung di Jabatan Perdana Menteri.

Beliau akan turut menyampaikan ucapan dasar bertajuk "Kerjasama dan Keseragaman di dalam Proses Globalisasi" pada satu majlis anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar di sini. Beliau kemudian akan melawat sebuah kawasan perindustrian di Melaka.

Lawatan Kumaratunga itu, yang pertama ke negara ini oleh seorang presiden Sri Lanka, dijangka akan mengeratkan lagi hubungan ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara.

Sri Lanka mengimport barangan berjumlah RM397 juta tahun lepas dari Malaysia manakala eksportnya ke negara ini berjumlah RM66 juta.

Sebahagian besar import Sri Lanka terdiri daripada petroleum, barangan kilang, bahan kimia, barangan elektrik dan peralatan pengangkutan manakala eksportnya ke Malaysia terdiri daripada tayar, batu permata, komponen mesin dan barangan tembikar. -- BERNAMA

ARA MZ AKD